



PERATURAN AM

Konvensyen Kecemerlangan
Dan Kecergasan
Jabatan Perkhidmatan
Veterinar (DVS)
Tahun 2020

21 - 25 FEBRUARI 2020

IPOH, PERAK



1. NAMA

- 1.1 Kejohanan ini dinamakan **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2020.**

2. PENGELOLAAN

- 2.1 **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** ini dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dikelolakan oleh **KESUVET DAN KSKV PERAK** telah diamanahkan sebagai Tuan Rumah dengan kerjasama Kelab/Persatuan/Majlis/Badan Sukan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Agensi di bawah Kementerian serta Pertubuhan Sukan yang tertentu termasuk pihak Swasta.
- 2.2 Bagi maksud pengelolaan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia melalui **JAWATANKUASA PENGANJURAN** sebagai sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara-perkara dasar serta bertanggungjawab bagi menyelaras penyertaan kontinjen- kontinjen yang mengambil bahagian.
- 2.3 Sebuah **JAWATANKUASA PENGELOLA** yang membuat perancangan dan mengelolakan semua program dan aktiviti **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** dan seterusnya sebuah **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** yang bertanggungjawab atas segala persediaan dan pengurusan teknikal semua sukan yang dipertandingkan serta **JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL** dengan tugas-tugas khas. Kedua-dua Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab kepada **JAWATANKUASA PENGELOLA**.
- 2.4 **MAKSAK MOA** adalah **URUS SETIA SUKAN DVS** di peringkat pusat dan bertanggungjawab memastikan segala dasar dan keputusan **JAWATANKUASA PENGANJURAN** dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Pengelola.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Konvensyen Kecemerlangan dan Kecergasan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia Tahun 2020 dianjurkan dengan objektif-objektif berikut:
- 3.1.1 Menjadi penghubung dalam mengeratkan hubungan silatulrahim antara anggota-anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinan Malaysia dan Agensi dibawahnya yang berada di peringkat persekutuan, negeri atau daerah serta memberi ruang untuk pegawai dan kakitangan berinteraksi tanpa mengira posisi mereka dalam organisasi.
- 3.1.2 Mewujudkan dan membudayakan gaya hidup sihat dalam usaha melahirkan anggota perkhidmatan awam yang sihat, cergas, berdisiplin, komited dan berdaya saing.
- 3.1.3 Menghargai sumbangan pegawai dan kakitangan dengan penganjuran program secara bersama.



- 3.1.4 Memperkuuhkan semangat ‘teamwork dan solidarity’ dalam mencapai matlamat.
- 3.1.5 Menyediakan ruang dan tempat kepada pegawai dan kakitangan untuk menonjolkan bakat, jati diri, semangat juang dan semangat kesukunan.

4. PENYERTAAN

- 4.1 KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN ini akan disertai oleh kontingen dari Jabatan / Agensi berikut:

- I. Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (Putrajaya)
- II. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak
- III. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis
- IV. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah
- V. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang
- VI. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
- VII. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Negeri Sembilan
- VIII. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka
- IX. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
- X. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
- XI. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu
- XII. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang
- XIII. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan Labuan
- XIV. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sarawak
- XV. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sabah
- XVI. Institut Veterinar Malaysia (IVM)
- XVII. Institut Penyelidikan Veterinar (VRI)
- XVIII. Institut Teknologi Uggas (ITU)

5. TARIKH KEJOHANAN: 21 HINGGA 25 FEBRUARI 2020

6. LOKASI KEJOHANAN: BANDAR IPOH.

7. PENGURUSAN KEJOHANAN

- 7.1 Pengurusan Kejohanan ini akan ditentukan dasarnya oleh **JAWATANKUASA PENGANJURAN**. Semua keputusan **JAWATANKUASA PENGANJURAN** akan dijadikan garis panduan kepada **JAWATANKUASA PENGELOLA**.
- 7.2 Semua pertandingan sukan akan dikendalikan oleh **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** yang dilantik oleh **JAWATANKUASA PENGELOLA**.

8. UNDANG-UNDANG

- 8.1 Semua jenis sukan yang dipertandingkan dalam program ini akan dijalankan menurut Undang undang permainan semasa yang diiktiraf oleh Badan Sukan Kebangsaan dan Antarabangsa.
- 8.2 **Peraturan Am ini** hendaklah dibaca bersekali/bersama dengan peraturan permainan bagi setiap jenis sukan yang dipertandingkan di dalam kejohanan sukan ini.



9. JENIS SUKAN

| BIL | JENIS SUKAN |
|-----|-----------------------|
| 1 | DART |
| 2 | KAROM |
| 3 | BATU SEREMBAN |
| 4 | CONGKAK |
| 5 | E-SPORT (FIFA) |
| 6 | BOLA SEPAK 9 SEBELAH |
| 7 | BOLA TAMPAR LELAKI |
| 8 | BOLA TAMPAR WANITA |
| 9 | BOLA JARING |
| 10 | SEPAK TAKRAW TERBUKA |
| 11 | SEPAK TAKRAW VETEREN |
| 12 | SEPAK RAGA RATUS |
| 13 | BADMINTON |
| 14 | PING PONG |
| 15 | FUTSAL TERBUKA |
| 16 | FUTSAL SENIOR |
| 17 | FUTSAL WANITA |
| 18 | TARIK TALI |
| 19 | MEMANAH |
| 20 | TENPIN BOWLING LELAKI |
| 21 | TENPIN BOWLING WANITA |
| 22 | LARIAN LADANG |
| 23 | SEMINAR |
| 24 | SNOOKER |
| 25 | KEBUDAYAAN |
| 26 | PERBARISAN |



10. BILANGAN PEGAWAI DAN PESERTA

10.1 Bilangan pegawai dan peserta mengikut jenis-jenis sukan ialah seperti berikut:-

| | |
|--------------------------|-----------|
| Ketua Kontinjen | : 1 orang |
| Timbalan Ketua Kontinjen | : 1 orang |

| BIL | JENIS SUKAN | PEGAWAI / JURULATIH | PESERTA | JUMLAH | CATATAN |
|---------------------------|-----------------------|---------------------|------------|------------|--------------------------------|
| 1 | DART | 1 | 9 | 10 | |
| 2 | KAROM | 1 | 7 | 8 | |
| 3 | BATU SEREMBAN | 1 | 6 | 7 | |
| 4 | CONGKAK | 1 | 6 | 7 | |
| 5 | E-SPORT (FIFA) | 1 | 3 | 4 | |
| 6 | BOLA SEPAK 9 SEBELAH | 2 | 15 | 17 | |
| 7 | BOLA TAMPAR LELAKI | 2 | 12 | 14 | |
| 8 | BOLA TAMPAR WANITA | 2 | 12 | 14 | |
| 9 | BOLA JARING | 2 | 12 | 14 | |
| 10 | SEPAK TAKRAW TERBUKA | 2 | 5 | 7 | |
| 11 | SEPAK TAKRAW VETEREN | 2 | 5 | 7 | |
| 12 | SEPAK RAGA RATUS | 2 | 6 | 8 | |
| 13 | BADMINTON | 1 | 8 | 9 | |
| 14 | PING PONG | 1 | 8 | 9 | |
| 15 | FUTSAL TERBUKA | 1 | 8 | 9 | |
| 16 | FUTSAL SENIOR | 1 | 8 | 9 | |
| 17 | FUTSAL WANITA | 1 | 8 | 9 | |
| 18 | TARIK TALI | 2 | 10 | 12 | |
| 19 | MEMANAH | 1 | 4 | 5 | |
| 20 | TENPIN BOWLING LELAKI | 1 | 3 | 4 | 1 VIP –Terbuka-SilaRujukSyarat |
| 21 | TENPIN BOWLING WANITA | 1 | 3 | 4 | |
| 22 | LARIAN LADANG | 1 | 10 | 11 | SilaRujukSyarat |
| 23 | KEBUDAYAAN | 1 | 5 – 15 | 16 | |
| 24 | SEMINAR | 10 Peserta (WAJIB) | | | SilaRujukSyarat |
| 25 | SNOOKER | 1 | 4 | 5 | |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 32 | 197 | 219 | |



- 10.2 Bagi jenis sukan yang mempunyai acara lelaki dan wanita dan di mana Kontinjen tidak menamakan jurulatih atau pengurus pasukan wanita, kontinjen berkenaan bolehlah mendaftarkan seorang Chaperon. Walau bagaimanapun segala perbelanjaan makan dan penginapan Chaperon berkenaan hendaklah ditanggung oleh Jabatan/Agenzi masing-masing.
- 10.3 Sekiranya pertandingan untuk satu jenis sukan diadakan di dua (2) atau lebih tempat yang berasingan, pasukan dibenarkan untuk membawa seorang jurulatih tambahan dan kedudukannya adalah setaraf dengan anggota rasmi kontinjen yang lain.

11. PENDAFTARAN

- 11.1 Peserta-peserta hendaklah terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Jabatan/ Agenzi termasuklah secara sambilan/tetap di mana orang yang dibayar oleh Jabatan/ Agenzi.
- 11.2 Peserta-peserta kontrak/ sambilan hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pertandingan (Selewatnya lapor diri pada 03/Januari/2020). Peserta-peserta kontrak/ sambilan tersebut hendaklah kontrak/sambilan bersama Jabatan/Agensi berkenaan sahaja. Semakan dengan HRMIS, KWSP akan diselaraskan untuk mengesahkan kesahihan status seorang kakitangan serta pencaruman telah dibuat oleh pihak majikan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan kelancaran sukan serta mengesahkan bahawa pegawai dan kakitangan tersebut benar-benar sedang berkhidmat dengan Jabatan/ Agenzi terbabit.
- 11.3 Mana-mana pasukan yang menurunkan peserta **BUKAN** warga Jabatan/ Agenzi, maka akan **DIBATALKAN** penyertaan oleh **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN**. Ini akan disusuli dengan tindakan disiplin terhadap pasukan tersebut oleh **JAWATANKUASA PENGANJURAN KARNIVAL SUKAN DVS**.
- 11.4 **JAWATANKUASA TEKNIKAL & PERTANDINGAN** berhak meminta **KAD PENGENALAN** atau apa – apa pengenalan diri yang difikirkan perlu bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.
- 11.5 Setiap kontinjen hanya dibenarkan mendaftar maksimum seramai lima belas (15) orang kakitangan kontrak/ sambilan jabatan sahaja.
- 11.6 Tiap-tiap jenis acara sukan yang ditetapkan hanya akan dipertandingkan apabila disertai oleh sekurang-kurangnya **EMPAT (4)** kontinjen termasuk Tuan Rumah.
- 11.7 Setiap Jabatan/Agenzi hanya dibenarkan mendaftar satu (1) pasukan sahaja untuk setiap acara.
- 11.8 Setiap Jabatan/Agenzi atau Kontinjen akan dikenakan **Bayaran Komitmen sebanyak RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja)** untuk semua jenis acara sukan yang dipertandingkan. Manakala bayaran komitmen bagi aktiviti Pertandingan Kebudayaan dan Kesenian akan dikenakan bayaran sebanyak **RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja)** hendaklah dijelaskan selewatnya sebagaimana diputuskan oleh **Jawatankuasa Penganjuran dan Jawatankuasa Pengelola**.
- 11.9 Setiap pegawai dan peserta yang didaftarkan untuk menyertai **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** ini dikenakan bayaran pakej konvensyen sebanyak **RM160.00 SEORANG (RINGGIT MALAYSIA: SATU**



RATUS ENAM PULUH RINGGIT SAHAJA. Setiap Jabatan/Agenzi yang terlibat bertanggungjawab menanggung bayaran pakej konvensyen bagi pegawai dan peserta masing-masing, dan pembayaran hendaklah dibuat sebagaimana diputuskan oleh **JAWATANKUASA PENGELOLA KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN.**

- 11.10 Had umur minima bagi kategori veteran adalah 45 tahun ke atas. Bagi kategori senior had umur 40 tahun ke atas dan kategori terbuka tiada had umur ditetapkan.
- 11.11 Tiada had maksimum untuk Kontinjen mendaftar pemain-pemain yang mewakili negara mengikut tiga (3) tahun semasa. Namun atlet Kebangsaan yang telah layak atau pernah bertanding di Sukan Olimpik adalah tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN**. Walau bagaimanapun atlet yang pernah mewakili Negara dibenarkan mengambil bahagian dalam **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** tetapi akan dikenakan syarat-syarat tertentu seperti berikut:-
- i. Bagi acara berpasukan seperti Bola Sepak, Sepak Takraw, Bola Jaring, Bola Tampar, Futsal berpasukan **TIDAK BOLEH** mendaftarkan lebih daripada **tiga (3) orang** pemain kebangsaan. Untuk acara Bola Sepak, ketiga-tiga pemain tersebut dibenarkan bermain dalam satu masa
 - ii. Manakala bagi acara seperti Sepak Takraw, Bola Jaring, Bola Tampar, Futsal. Hanya **dua (2) pemain** kebangsaan dibenarkan bermain dalam suatu masa.
 - iii. Bagi jenis acara sukan yang mempunyai acara perseorangan, beregu, beregu campuran (berpasukan), seseorang pemain kebangsaan hanya dibenarkan mengambil **satu (1) acara sahaja**.
- 11.12 Tiap-tiap Jabatan/Agenzi atau Kontinjen dikehendaki mengemukakan **BORANG PENYERTAAN** mengikut jenis sukan kepada **JAWATANKUASA PENGELOLA** tidak lewat daripada **10 JANUARI 2020**.
- 11.13 **JAWATANKUASA PENGELOLA** memaklumkan kepada semua Jabatan/Agenzi atau Kontinjen jumlah bilangan pasukan, jenis sukan dan disiplin yang akan dipertandingkan secara terperinci setelah menyemak senarai pendaftaran selewat-lewatnya **DUA (2) MINGGU (10 FEBRUARI 2020)** sebelum tarikh pertandingan.
- 11.14 Borang pendaftaran peserta yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan bersama-sama salinan kad pekerja dan/atau penyata gaji bulanan terkini (bagi kakitangan tetap) dan surat perlantikan (bagi kakitangan lantikan secara kontrak/sambilan) dan disahkan oleh Ketua Kontinjen hendaklah diserahkan kepada **JAWATANKUASA PENGELOLA KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** pada atau tidak lewat daripada **10 FEBRUARI 2020**
- 11.15 Pertukaran peserta **TIDAK DIBENARKAN** dan **TIDAK BOLEH** dibuat selepas pendaftaran dibuat iaitu Tarikh Pendaftaran **21 FEBRUARI 2020** KECUALI dipersetujui oleh **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** atas sebab-sebab yang tertentu yang diputuskan sesuai.
- 11.16 Keputusan **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** berkenaan pertukaran peserta adalah **MUKTAMAD**.



12. PAKAIAN PEMAIN

- 12.1 Tiap-tiap pasukan hendaklah memakai pakaian yang bersopan dan mematuhi Peraturan Pakaian jenis permainan berkenaan.
- 12.2 Nombor pada jersi hendaklah sama dengan nombor yang didaftarkan di dalam borang pendaftaran semasa memulakan permainan, serta mematuhi spesifikasi-spesifikasi dan Peraturan Pakaian jenis permainan berkenaan.
- 12.3 Jika kedua-dua pasukan memakai jersi yang sama warnanya, pasukan yang namanya tercatat dikeduduan lawan (kedua) dalam jadual pertandingan hendaklah menukar jersi kepada yang lain warnanya.

13. KAWALAN PERUBATAN

- 13.1 Semua peserta dalam sesuatu jenis sukan sekiranya diwajibkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan/Antarabangsa adalah dikehendaki menjalani ujian perubatan. Para peserta hendaklah mengemukakan Sijil atau Surat Pengakuan Doktor kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan. Pemeriksaan hendaklah dibuat di tempat masing-masing sebelum datang ke pertandingan.

14. KAWALAN KEWANITAAN

- 14.1 Semua peserta wanita jika diwajibkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan maka hendaklah **DISAHKAN** kewanitaan mereka oleh Doktor Perubatan masing-masing di Borang Penyertaan mereka.

15. PERATURAN TEKNIK/CORAK PERTANDINGAN

- 15.1 **JAWATANKUASA PENGANJURAN** melalui amalan MAKSAK MALAYSIA atau Persatuan Sukan Kebangsaan atau Persatuan Sukan Negeri akan menetapkan corak pertandingan dalam **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** ini.
- 15.2 Semua jenis sukan / acara akan dikelolakan selaras dengan Peraturan Badan Kawalan Sukan Antarabangsa yang berkenaan. Jika terdapat percanggahan dari segi pentafsiran, maka pengertian sahih akan dirujuk kepada peraturan dalam Bahasa Inggeris.
- 15.3 Semua pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah selesai dipertandingkan mengikut tempoh **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** seperti yang ditetapkan **Perkara 16.1** atau pada tempoh yang dipersetujui oleh pihak **JAWATANKUASA PENGELOLA**.



- 15.4 Penetapan bilangan kumpulan bagi tiap-tiap jenis sukan akan dibuat mengikut amalan Persatuan Sukan Kebangsaan atau Badan Kawalan Sukan Antarabangsa masing-masing dan adalah tertakluk kepada kelulusan **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN**. Keputusan **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** dalam hal ini adalah **MUKTAMAD**.
- 15.5 Bagi jenis sukan yang mengandungi acara berpasukan dan perseorangan, hanya dua (2) orang pemain terbaik sahaja didaftarkan mengambil bahagian dalam pertandingan perseorangan. Walau bagaimanapun, bagi jenis sukan-sukan yang tertentu yang mengambilkira mata/skor individu bagi menentukan kedudukan pasukan, bilangan pemain boleh didaftarkan mengikut jumlah yang ditetapkan didalam peraturan pertandingan sukan masing-masing dan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan. Keputusan **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** dalam hal ini adalah **MUKTAMAD**.

- 15.6 Format bagi sistem liga adalah seperti berikut:

| BIL | JUMLAH PASUKAN BERTANDING | BIL. KUMPULAN & PASUKAN DALAM KUMPULAN | PERTANDINGAN SELEPAS LIGA KUMPULAN |
|-----|---------------------------|--|------------------------------------|
| 1 | 4 | 1 | Round Robin |
| 2 | 5 | 2,3 | Separuh Akhir |
| 3 | 6 | 3,3 | Separuh Akhir |
| 4 | 7 | 3,4 | Separuh Akhir |
| 5 | 8 | 4,4 | Suku Akhir |
| 6 | 9 | 3,3,3 | Suku Akhir |
| 7 | 10 | 2,2,3,3 | Suku Akhir |
| 8 | 11 - 14 | 4 Kumpulan | Suku Akhir |

- 15.6.1 Pertandingan akan dijalankan secara liga dan kalah singkir.
- 15.6.2 Semua pasukan yang mengambil bahagian akan dibahagikan dalam beberapa kumpulan melalui undian.
- 15.6.3 Dalam pusingan awal, perlawanan adalah secara liga kumpulan dan semua acara hendaklah dipertandingkan.
- 15.6.4 Dua pasukan teratas (Juara & Naib Juara kumpulan) dari setiap kumpulan akan layak bertanding di peringkat Suku Akhir (sekiranya 3 kumpulan ke atas) atau Separuh Akhir (sekiranya 2 kumpulan).
- 15.6.5 Bagi pusingan suku akhir hingga akhir perlawanan akan dijalankan secara kalah singkir (*knock-out*).



- 15.6.6 **PASUKAN PILIHAN** (Johan, Naib Johan dalam Karnival Sukan DVS sebelumnya **serta TUAN RUMAH**) akan diasingkan dalam kumpulan yang berlainan.
- 15.7 Tiada perlawanan penentuan tempat ketiga dan keempat akan dijalankan.
- 15.8 Pemberian Mata asas ialah :
- Menang - 3 mata
 - Seri - 1 mata
 - Kalah - 0 mata

Atau mengikut syarat pemberian mata peraturan permainan yang mempunyai sistem mata sendiri.

16. TEMPOH PENGELOLAAN / JADUAL PERLAWANAN

- 16.1 **KARNIVAL SUKAN DVS KALI KE ... TAHUN 2020** akan diadakan pada **21 FEBRUARI 2020 HINGGA 25 FEBRUARI 2020**. Tempoh rasmi pengelolaan untuk **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** ialah **LIMA (5) HARI**. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu **JAWATANKUASA PENGELOLA** boleh memulakan pertandingan bagi jenis-jenis sukan tertentu beberapa hari sebelum hari Perasmian **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN**.
- 16.2 Semua jadual perlawanan bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat akan ditetapkan oleh **JAWATANKUASA PENGELOLA** mengikut format yang ditetapkan oleh **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN**.

17. PENANGGUHAN

- 17.1 Tarikh, masa, tempat perlawanan dan corak pertandingan setiap sukan yang telah ditetapkan / dijadualkan sama sekali **TIDAK BOLEH** diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 17.2 **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah jadual sesuatu perlawanan dengan tanpa diberitahu terlebih dahulu atau diberitahu kepada kontinjen atau diputuskan dengan serta merta.
- 17.3 Bagi perlawanan yang ditangguhkan menurut **Perkara 17.2** di atas, **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** bagi sukan berkenaan hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu dan hendaklah tertakluk kepada kelulusan **JAWATANKUASA PENGELOLA**.
- 17.4 Keputusan **JAWATANKUASA PENGELOLA** dalam hal ini adalah **MUKTAMAD**.

18. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 18.1 Semua pasukan dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawannya untuk perlawanan yang sedang berlangsung atau perlawanan yang akan datang.
- 18.2 Setiap pasukan dimestikan meneruskan permainan dalam semua perlawanan walau pun telah layak untuk ke pusingan kalah singkir.



18.3 Perlawan yang ditunda:

- 18.3.1 Sekiranya pegadil perlawan memutuskan perlawan tidak boleh dimainkan atau perlu ditangguhkan kerana sebab-sebab luar jangka atau bencana alam, kekurangan kawalan keselamatan perlawan atau sebab-sebab teknikal, ATAU sekiranya perlawan itu dihentikan atas sebab hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, keputusan berikut akan diikuti:
- 18.3.1.1 Sekiranya perlawan disambung semula dengan mata, pemain dan kedudukan pemain yang sama.
- 18.3.1.2 Sekiranya perlawan disambung dan dimainkan di gelanggang yang lain atau berbeza, set yang sedang dimainkan ketika perlawan tergendala akan dibatalkan dan akan dimainkan semula dengan pemain-pemain yang sama. Set yang telah dimainkan terdahulu sebelum perlawan tergendala akan dikenakan keputusannya.

18.4 Menarik diri / memberi kemenangan percuma:

- 18.4.1 Jika pasukan tidak melaporkan diri untuk satu perlawan atau pasukan yang lewat hadir ke gelanggang atau padang permainan selepas **sepuluh (10) minit** daripada masa yang ditetapkan dalam jadual pertandingan; atau
- 18.4.2 Jika pasukan tersebut enggan meneruskan perlawan atau meninggalkan gelanggang sebelum tamatnya perlawan; atau
- 18.4.3 Jika pasukan memberikan kemenangan percuma; atau
- 18.4.4 Jika pasukan gagal menamatkan jadual perlawanannya dalam kejohanan tanpa persetujuan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan; maka
- 18.4.5 Pasukan tersebut akan dikira sebagai pasukan yang menarik diri atau menyerah kalah dan pasukan tersebut akan terkeluar daripada kejohanan ini.
- 18.4.6 Semua keputusan pertandingan pasukan tersebut akan **DIBATALKAN** dan pasukan itu tidak dibenarkan memasuki pertandingan seterusnya.
- 18.5 Jika berlaku sebarang kecederaan sebelum pertandingan dimulakan dan pasukan terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan, maka pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 18.6 Pasukan yang menarik diri daripada sesuatu pertandingan dalam kejohanan ini akan terbatal semua keputusan dan mata yang diperolehnya dalam acara tersebut.
- 18.7 Walau bagaimanapun, tiada sebab bagi pasukan/pemain memberikan kemenangan percuma kepada pasukan lawan. Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan mengambil tindakan dengan melaporkan kepada Ketua Kontinjen agar mengambil tindakan tegas kepada pihak yang terlibat dan bertanggungjawab.



19. KEMUDAHAN

- 19.1 **JAWATANKUASA PENGELOLA** akan bertanggungjawab untuk menyediakan semua kemudahan berkaitan dengan pelaksanaan **KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** seperti makan minum, peralatan pertandingan dan vanue pertandingan.
- 19.2 Pakaian seragam dan peralatan peserta seperti jersi, kasut, reket dan sebagainya adalah menjadi tanggungjawab kontinjen masing-masing.

20. INSURAN DAN GANTIRUGI

- 20.1 **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA, JAWATANKUASA PENGANJURAN, JAWATANKUASA PENGELOLA, JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN, JAWATANKUASA - JAWATANKUASA KECIL** dan **PEGAWAI-PEGAWAI** yang dilantik bagi **KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB ke atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana pegawai dan peserta semasa **KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** ini berlangsung termasuk ketika dalam perjalanan dari rumah/tempat pertandingan/rumah.
- 20.2 **JAWATANKUASA PENGELOLA SERTA JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** akan mengambil kira soal keselamatan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini daripada berlaku.
- 20.3 Setiap Jabatan/Agensi atau Kontinjen diwajibkan untuk mendapatkan dan menanggung kos serta perbelanjaan insuran bersesuaian bagi setiap peserta dan pegawai kontinjen masing-masing.

21. PENGURUS PERTANDINGAN DAN DELEGAT TEKNIKAL

- 21.1 **JAWATANKUASA PENGELOLA** hendaklah melantik dengan rasminya seorang **PENGURUS PERTANDINGAN** bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan. **PENGURUS PERTANDINGAN** adalah bertanggungjawab untuk menentukan segala persiapan teknikal dan pertandingan disediakan dan dilaksanakan mengikut **PERATURAN TETAP, PERATURAN AM DAN PERATURAN PERTANDINGAN** serta panduan-panduan yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing.
- 21.2 **JAWATANKUASA PENGELOLA** akan melantik **KETUA DELEGAT TEKNIKAL, DELEGAT-DELEGAT TEKNIKAL DAN PEGAWAI-PEGAWAI TEKNIKAL** bagi tiap-tiap jenis sukan. Tanggungjawab Ketua Delegat Teknikal ialah seperti berikut:-
 - i. Mencadangkan kepada **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** pegawai-pegawai teknikal dan pengadil / hakim bertauliah yang akan bertugas sepanjang kejohanan berlangsung.
 - ii. Melawat dan mengesahkan tempat-tempat pertandingan supaya sesuai digunakan untuk pertandingan **KONVENTSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN**.
 - iii. Menyemak dan mengesahkan jadual-jadual pertandingan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
 - iv. Menentukan semua pertandingan dijalankan mengikut peraturan / jadual pertandingan yang telah ditetapkan.



- v. Menentukan giliran tugas pegawai-pegawai teknikal seperti pegadil / hakim yang dilantik di bawah para 16.2 (i)
- 21.3 Ketua Delegat Teknikal hendaklah **MENGEMUKAKAN LAPORAN** bersama-sama dengan laporan pengadil atau hakim mengenai semua aduan dan rayuan yang dibuat dan diputuskan semasa **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** dan juga peserta atau pegawai pasukan yang telah digantung daripada menyertai satu atau kesemua pertandingan bagi sukan berkenaan semasa **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** dijalankan kepada **MAKSAK MOA** untuk tindakan selanjutnya.

22. JURI TEKNIKAL SUKAN DAN JURI RAYUAN TERTINGGI

- 22.1 **JAWATANKUASA PENGELOLA** setelah berunding dengan **JAWATANKUASA PENGANJURAN** hendaklah menubuhkan sebuah **JURI TEKNIKAL SUKAN** dan menamakan **JURI TEKNIKAL** tersebut bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan untuk mengambil tindakan dan membuat keputusan terhadap semua aduan, bantahan atau rayuan yang dibuat semasa **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** berlangsung.
- 22.2 **JURI TEKNIKAL SUKAN** mesti dipengerusikan oleh **KETUA DELEGAT SUKAN** berkenaan dan tidak kurang dari tiga (3) orang ahli dan tidak lebih lima (5) orang ahli panel lain. **JURI TEKNIKAL SUKAN** berkenaan mesti berunding dan membuat keputusan mengenai semua aduan, bantahan atau rayuan dalam tempoh tidak lewat dari **SATU (1) JAM** dari masa surat bertulis berkenaan diterima oleh **KETUA DELEGAT TEKNIKAL**.
- 22.3 Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan **JURI TEKNIKAL SUKAN** berkenaan boleh membuat rayuan kepada **JURI RAYUAN TERTINGGI** yang ditubuhkan dalam **PERKARA 22.4** dibawah ini.
- 22.4 Semasa **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** berlangsung, tugas-tugas **JAWATANKUASA PENGANJURAN** akan dilaksanakan oleh sebuah **JURI RAYUAN TERTINGGI** yang dilantik oleh **JAWATANKUASA TETAP KARNIVAL SUKAN DVS**. Anggota-anggota Juri Rayuan Tertinggi terdiri daripada tidak kurang tiga (3) orang dan tidak lebih daripada lima (5) orang ahli seperti berikut:-

| | |
|-----------|--|
| Pengerusi | - TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR |
| Ahli-ahli | - DUA (2) PENGERUSI BERSAMA KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN |
| | - PENGERUSI JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN |
| | - SEORANG YANG DIFIKIRKAN SESUAI OLEH PENGERUSI. |

- 22.5 **Juri Rayuan Tertinggi** akan membuat keputusan muktamad berkenaan dengan semua aduan, bantahan atau rayuan dan perkara lain berhubung dengan pengelolaan **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** dalam tempoh **dua puluh empat (24) jam** dari masa selepas diterima surat bertulis berkenaan. Ketua Kontinjen atau wakilnya boleh mengemukakan soalan-soalan kepada juri-juri ini. Selain daripada itu, **JURI RAYUAN TERTINGGI** ini juga boleh membuat keputusan dalam semua perkara termasuk hal-hal teknikal yang dianggap sesuai oleh juri ini.



23. RAYUAN / BANTAHAN

- 23.1 Sebarang aduan, bantahan, rayuan mengenai sesuatu perkara samada kepada **JURI TEKNIKAL SUKAN** atau **JURI RAYUAN TERTINGGI** mesti dibuat oleh **KETUA KONTINJEN** sahaja.
- 23.2 Aduan, bantahan, rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis dengan mengisi **BORANG** yang disediakan oleh **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** dan ditandatangan serta cop Jabatan/Agensi berkenaan bersertakan wang tunai sebanyak **RM300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja)** sebagai wang pertaruhan.
- 23.3 Setiap aduan, bantahan atau rayuan kepada **JURI TEKNIKAL SUKAN** mesti dibuat dalam tempoh tidak lebih dari **Satu (1) jam** selepas tamat sesuatu perlawanan.
- 23.4 Setiap aduan, bantahan, rayuan atau perkara lain kepada **JURI RAYUAN TERTINGGI** mesti dibuat dalam tempoh tidak lebih daripada **dua (2) jam** selepas keputusan **JURI TEKNIKAL SUKAN** diterima oleh kontinjen berkenaan.
- 23.5 Sekiranya aduan, bantahan atau rayuan itu munasabah dan diterima oleh **JURI TEKNIKAL SUKAN** atau **JURI RAYUAN TERTINGGI**, maka wang pertaruhan itu akan dikembalikan dan satu keputusan bersetujuan akan dibuat berhubung dengan aduan, bantahan atau rayuan itu.
- 23.6 Wang pertaruhan itu akan lucut hak dan menjadi **PENDAPATAN** kepada **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** sekiranya aduan, bantahan atau rayuan itu didapati tidak munasabah atau ditolak.
- 23.7 **JURI TEKNIKAL SUKAN** dan **JURI RAYUAN TERTINGGI** berhak untuk memanggil mana-mana individu yang difikirkan sesuai dan dapat membantu untuk memberi maklumat atau keterangan berkaitan.
- 23.8 Semua kontinjen perlu mengemukakan dokumen-dokumen bagi menyokong status pemain masing-masing sekiranya terdapat bantahan.
- 23.9 Sebarang bantahan setiap pasukan hendaklah disertai dengan bahan bukti. Tanpa bahan bukti, bantahan tidak akan dilayan.
- 23.10 Semua bantahan/rayuan hendaklah ditulis dalam **BAHASA MELAYU**.

24. DISIPLIN DAN TATATERTIB

- 24.1 Setiap Jabatan/Agensi atau Kontinjen adalah bertanggungjawab di atas disiplin dan tatatertib pegawai, peserta dan penyokong masing-masing.
- 24.2 Setiap Jabatan/Agensi yang terlibat mesti menubuhan sebuah **JAWATANKUASA DISIPLIN** bagi mengendalikan kes-kes disiplin dan tatatertib di kalangan pegawai dan peserta semasa **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** berlangsung.
- 24.3 **JAWATANKUASA PENGELOLA** akan menubuhan sebuah **JAWATANKUASA TATATERTIB** yang terdiri daripada lima (5) orang seperti berikut:
 - a) **PENGERUSI JAWATANKUASA PENGELOLA ATAU WAKIL**
 - b) **PENGERUSI JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN ATAU WAKIL**
 - c) **TIGA (3) ORANG AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN**



Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab mengawasi dan mempertimbangkan sebarang kejadian yang difikirkan mencemarkan imej **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN**. Jawatankuasa ini juga berhak membuat keputusan diatas sebarang perkara yang difikirkan boleh menganggu kelancaran pertandingan.

- 24.4 Disamping itu, **JAWATANKUASA PENGANJURAN** akan melantik sebuah **LEMBAGA DISIPLIN** bagi mengendalikan segala kes disiplin dan salahlaku yang membabitkan para pegawai dan peserta yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Jabatan/Agensi dan **JAWATANKUASA TATATERTIB**. Lembaga ini juga bertanggungjawab terhadap disiplin semua pegawai kontinen (termasuk pegawai tambahan) yang berdaftar dengan **JAWATANKUASA PENGELOLA**. Keahlian Lembaga Disiplin adalah seperti berikut:-

Pengerusi – KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

- Ahli-ahli
- Tiga (3) orang Ketua Kontinen atau wakilnya
 - Seorang (1) pegawai Unit Integriti, DVS
 - Seorang (1) wakil daripada Jawatankuasa Tatertib atau Jabatan/Agensi yang terlibat

- 24.5 Pihak Lembaga Disiplin berhak untuk memanggil mana-mana individu yang difikirkan sesuai dan dapat membantu memberikan maklumat atau keterangan yang berkaitan.

25. HADIAH-HADIAH

- 25.1 Hadiah-hadiah untuk **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** akan disediakan oleh **JAWATANKUASA PENGELOLA**.
- 25.2 Pingat-pingat emas, perak dan gangsa untuk pemenang-pemenang pertama, kedua dan ketiga/keempat. Butir-butir lengkap adalah seperti di **PERKARA 13 PERATURAN TETAP KARNIVAL SUKAN DVS**.

26. KIRAAN MATA (KESELURUHAN)

- 26.1 Johan Keseluruhan KARNIVAL SUKAN DVS (*Overall Champion*) akan ditentukan dengan jumlah pungutan mata yang paling banyak. Mata yang diberikan bagi setiap permainan adalah seperti berikut:

- Johan - 5 mata
- Naib Johan - 3 mata
- Ketiga - 1 mata
- Keempat - 1 mata

- 26.2 Kontinen yang mendapat jumlah mata yang terbanyak akan diisyiharkan sebagai Johan Keseluruhan **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN**. Jika didapati dua (2) atau lebih kontinen yang mempunyai mata yang sama, Johan Keseluruhan akan ditentukan dengan cara:-

- 26.2.1 Kontinen yang mendapat jumlah johan (pingat emas) permainan yang terbanyak, jika seri;



- 26.2.2 Kontinjen yang mendapat jumlah naib johan (pingat perak) permainan yang terbanyak, jika seri;
- 26.2.3 Kontinjen yang mendapat jumlah tempat ketiga/keempat (pingat gangsa) permainan yang terbanyak, jika seri;
- 26.2.4 Diisyiharkan sebagai Johan bersama

27. KEWANGAN

- 27.1 Kewangan **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN** akan ditadbir oleh **JAWATANKUASA PENGELOLA**. Penyata akaun hendaklah disiapkan **TIDAK LEWAT DARIPADA ENAM (6) BULAN** selepas tarikh akhir sukan tersebut untuk diperiksa dan diluluskan oleh **JAWATANKUASA PENGANJURAN KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN**.

28. TAMBANG

- 28.1 Setiap Jabatan/Agenzi yang terlibat bertanggungjawab menanggung semua kos tambang pegawai / peserta masing-masing.

29. PERKARA AM

- 29.1 **JAWATANKUASA PENGANJURAN** dan **JAWATANKUASA PENGELOLA** berkuasa mengambil sesuatu keputusan kepada sebarang perkara yang berbangkit yang tidak tercatat dalam Peraturan Am ini.
- 29.2 Segala keputusan yang diambil oleh **JAWATANKUASA PENGANJURAN** dan **JAWATANKUASA PENGELOLA** adalah **MUKTAMAD**.
- 29.3 Sebarang keputusan yang dibuat semasa mesyuarat Pengurus-pengurus pasukan bagi setiap jenis sukan adalah muktamad dan tidak boleh dibantah asalkan ia **TIDAK BERCANGGAH** dengan Peraturan Tetap, Peraturan Am dan Peraturan Pertandingan **KONVESYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN**.
- 29.4 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan peraturan yang ditetapkan **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
- 29.5 Wang pendaftaran tidak akan dikembalikan sekiranya pasukan yang telah didaftarkan terlebih dahulu menarik diri dari mengambil bahagian.
- 29.6 Setiap kontinjen dinasihatkan membawa "**First Aid Kit**" sendiri.
- 29.7 Semua Pengurus pasukan adalah bertanggungjawab menentukan kehadiran pasukannya pada tarikh, tempat dan masa yang ditentukan oleh **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN**.
- 29.8 Sepanjang kejohanan diadakan, pegawai dan para peserta adalah tertakluk kepada **PERINTAH AM KERAJAAN** yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. **JAWATANKUASA PENGELOLA** atau **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN** akan memanjangkan laporan kepada Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan, sekiranya terdapat pegawai atau peserta yang melanggar peraturan-peraturan tata tertib serta peraturan-peraturan pertandingan yang berkenaan.